

Kepentingan Australia mulai tergugat

8 DEC 1993

SYDNEY, Selasa — Australia hari ini mengakui kepentingannya tergugat selepas Malaysia membatalkan projek perhutanan sebuah syarikatnya yang bernilai A\$200 juta (RM348 juta) berikutan pertikaian kedua-dua negara.

Kuala Lumpur mungkin mengenakan sekatan baru kecuali Perdana Menteri Australia, Paul Keating, meminta maaf selepas menggambarkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'keras kepala' kerana tidak menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, bulan lalu.

Bagaimanapun, berikutan hubungan kedua-dua pihak yang semakin buruk, seorang Ahli Parlimen New South Wales, Richard Jones, dilaporkan mengumpulkan sokongan bagi bertindak balas menghalang eksport terbesar Malaysia, kayu balak dari Sarawak bernilai AS\$155 juta (RM403 juta) tahun lalu, memasuki pasaran Australia.

Menteri Luar Australia,

Gareth Evans, memberitahu Senat, kerajaan menyesali kesan buruk pertikaian itu akan turut menjejaskan perniagaan syarikat negara tetapi berkata itu adalah sebahagian risiko urus niaga di negara luar.

"Keadaan akan menjadi tidak menentu dan kepentingan kita mungkin terjejas selepas beberapa kementerian dan syarikat di Malaysia bertindak sendiri ketika ini tanpa arahan rasmi Kabinet," kata Evans.

Senator Alan Ferguson berkata, syarikat perhutanan Australia, *SEAS Sapfor* diberitahu projek penanaman semula pokok di kawasan hutan di Malaysia bernilai RM348 juta tidak dapat diteruskan kerana pertikaian itu.

Ferguson memetik surat pengarah urusan syarikat berkenaan menggambarkan keadaan di Malaysia sebagai 'genting' kerana syarikat itu adalah pilihan utama sebagai perunding tetapi berikutan krisis Canberra-Kuala Lumpur, kontrak itu mungkin di-

beri kepada syarikat Eropah.

Jones, aktivis alam sekitar, yang mewakili Parti Demokrat, mula menganjurkan apa yang disifatkannya sebagai kempen bagi mengenakan tekanan terhadap Malaysia atas sebab-sebab kemanusiaan.

"Dasar Malaysia boleh dipertikaikan kerana tindakannya terhadap penduduk Penan di hutan Sarawak dan inilah masanya bagi masyarakat antarabangsa berbuat sesuatu," kata Jones.

Jones yang terbabit dalam beberapa kempen alam sekitar di seluruh dunia memberitahu agensi berita bahawa kempenya yang terbaru ini tidak akan dibatalkan sekalipun atas alasan diplomatik.

Beliau menuduh Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar kejam terhadap penduduk Penan dengan memusnahkan hutan yang menjadi kediaman puak itu.

"Sudah tiba masanya kita bertindak menghalang pembunuhan beramai-ramai dan perogol alam sekitar Sara-

wak serta menghentikan ser-ta-merta kemasukan kayu balak palsu yang berharga rendah.

"Tidak masuk akal jika Australia membenarkan kayu balak itu dilambakkan di sini, yang menghalang warga kita mendapat pekerjaan serta pada masa yang sama membiarkan pembunuhan beramai-ramai penduduk Penan di Sarawak," katanya.

Jones berkata, kayu balak dari hutan itu, yang juga eksport terbesar Malaysia, murah kerana "gaji yang rendah yang diberi kepada pekerja".

Ahli Parti Buruh, Graeme Campbell, tidak mengendahkan gesaan Evans supaya kedua-dua negara mengadakan 'tempoh menenangkan keadaan' dan menuduh Dr Mahathir berkelakuan seperti 'anak manja'.

Malaysia sudah menghamkan siaran program televisyen Australia dan mengancam membatalkan beberapa kontrak besar dalam sektor telekomunikasi, tenaga dan pertahanan. — AFP